

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ISMAIL BIN JAAPAR
AHLI Pengerusi Masjid Lapan Kubah
DAN
HUSSIN BIN MOHAMMAD
TOK Imam Masjid Lapan Kubah

OLEH:

NUR BALQIS BINTI SAMSUDIN	2022899484
NUR FAJRINA ADIBAH BINTI MAZLAN	2022675348

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2024 – FEBRUARI 2025)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami dapat menyempurnakan tugas yang telah diberi iaitu Pojek Sejarah Lisan dengan penuh jayanya. Tidak dapat kami nafikan bahawa terdapat juga pelbagai jenis kekangan yang terpaksa kami hadapi semasa sebelum dan selepas selesai temubual bersama tokoh yang dipilih. Namun begitu, dengan adanya kesabaran dan pertolonganNya kami telah dapat mengatasi masalah yang dihadapi dan menyelesaikan setiap tugas yang telah diberi dengan baik.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Pendokumentasian dan Sejarah Lisan (IMR604), iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dalam membantu kami untuk menyiapkan setiap tugas yang diberi. Tanpa bantuan beliau dalam memberi tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu, kami tidak mampu dapat menyempurnakan tugas yang telah diberi dengan sepenuhnya.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Pengerusi Masjid Lapan Kubah iaitu Encik Ismail Bin Jaapar dan juga Tok Imam Masjid Lapan Kubah iaitu Encik Hussin Bin Mohammad yang telah kami temubual bagi berkongsi pengetahuan mereka sebagai ahli jawatankuasa masjid ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada ibu bapa kami serta rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar dalam proses penghasilan projek transkrip temubual ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara antara pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan bersama Encik Ismail Bin Jaapar dan juga Encik Hussin Bin Mohammad iaitu Ahli Pengerusi dan Tok Imam di Masjid Lapan Kubah. Sesi temubual ini telah dijalankan pada tarikh 14 Disember 2024 pada jam 9.00 pagi sehingga jam 10.20 pagi. Temubual ini berkisahkan tentang sejarah tentang seni bina pembinaan Masjid Lapan Kubah disamping turut mengenal latar belakang Encik Ismail Bin Jaapar dan Encik Hussin Bin Mohammad. Temubual ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat lisan mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di sepanjang penubuhan masjid Lapan Kubah sehinggalah sekarang. Temu bual ini juga turut di isi dengan pendapat dan harapan ahli jawatankuasa Masjid Lapan Kubah dengan terperinci.*

Kata kunci: *Masjid Lapan Kubah, Kubah Masjid Kampung Lapan Kotak.*

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang	02
Bahagian 2: Keunikan dan Kecantikan Seni Bina.....	09
Bahagian 3: Aktiviti dan Program Khas.....	12
Bahagian 4: Peranan Dan Fungsi Masjid Dalam Komuniti.....	15
Bahagian 5: Penglibatan Dan Sokongan Masyarakat.....	18
Bahagian 6: Peranan Imam Dan Jawatankuasa Masjid.....	22
Bahagian 7: Cabaran Dan Masalah.....	24
Bahagian 8: Pengalaman Peribadi Dan Kenangan	26
Bahagian 9: Harapan Masjid.....	28
Rujukan.....	35
Lampiran	
Log Wawancara.....	38
Diari Kajian.....	50
Senarai soalan.....	53
Surat Perjanjian.....	58
Gambar.....	62
Indeks.....	64

PENGENALAN

Dokumentasi sejarah lisan merujuk kepada kaedah merekodkan sejarah melalui wawancara atau perbualan langsung dengan individu yang mempunyai pengalaman atau pengetahuan peribadi tentang peristiwa, budaya, atau tradisi tertentu. Ia merupakan salah satu cara untuk mengumpulkan, menyimpan, dan mendokumentasikan maklumat yang tidak selalu tersedia dalam dokumen bertulis atau sumber sejarah rasmi. Sejarah lisan amat penting kerana dapat membantu untuk meningkatkan sumber-sumber sejarah peristiwa dan tempat bersejarah sebagai rujukan untuk generasi akan datang.

Tempat bersejarah yang telah kami pilih untuk ditemubual ialah Masjid Lapan Kubah di Jerteh, Terengganu. Bagi mendapatkan maklumat mengenai masjid ini kami telah menemubual Ahli Pengerusi Masjid tersebut iaitu Encik Ismail Bin Jaapar dan Imam iaitu Encik Hussin Bin Mohammad. Tujuan kami memilih Masjid Lapan Kubah di Jerteh ialah kerana ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah teretusnya idea seni bina penubuhan Masjid Lapan Kubah. Masjid Lapan Kubah juga merupakan masjid yang menjadi tarikan kepada para pelancong luar di Kampung Lapan Kotak. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seni binanya yang unik dan menarik yang menjadikannya tarikan kepada penduduk sekitar dan juga penduduk luar.

Hasil wawancara bersama Pengerusi dan Tok Imam Masjid Lapan Kubah iaitu Encik Ismail dan Encik Mohamad telah memberi banyak pengisian maklumat mengenai Masjid tersebut. Hal ini demikian kerana mereka berdua telah berkhidmat dalam tempoh yang cukup lama. Temubual tersebut telah dijalankan berdasarkan soalan yang telah disediakan untuk mereka.